

14/05/2000

Jadikan kesilapan teladan

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-54 yang berakhir semalam mengetengahkan satu tekad baru untuk membela orang Melayu yang kini terumbang-ambing kerana dipisahkan oleh sempadan kefahaman politik yang berlainan. Pemimpin Umno dan perwakilan seolah-olah sudah mula mencium amaran dan bahaya yang tidak pernah diundang jika terlalu mengambil mudah gerakan licik pembangkang meracuni fikiran rakyat. Dikejutkan dengan keputusan pilihan raya umum November lalu, lantas perwakilan kali ini secara terang-terangan membuat teguran perlunya Umno segera memperbaiki diri.

Pucuk pimpinan sendiri bercakap mengenai kenapa Umno kehilangan banyak sokongan Melayu dan sebab rakyat mula mempersoalkan relevan parti itu. Perwakilan lantang mengingatkan semua dalam Umno - daripada ahli biasa hingga kepada pemimpin - agar menyedari kelemahan dan kesilapan masa lampau. Ia adalah faktor utama mengapa pengaruh parti itu di kalangan orang Melayu merosot pada pilihan raya lalu.

Rata-rata perwakilan membuat kesimpulan Umno hanya akan terus relevan kepada orang Melayu jika pemimpin tertinggi, pertengahan dan akar umbi sanggup memperbaiki kelemahan diri sendiri dan mengatasinya. Atas kesedaran itu, sebilangan besar pembahas tanpa berselindung walaupun secara berlapik, begitu berani menuding jari kepada pihak yang selama ini meminggirkan sahaja kelemahan mereka sendiri. Malah ada antara mereka dalam nada tegas tetapi penuh sopan mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri selaku presiden, mempelopori usaha menyenaraikan semua kesilapan masa lalu itu untuk dijadikan iktibar memperbaiki diri.

Melihat kepada perbahasan dan 'mood' perwakilan dalam Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra, tidak wujud kebimbangan atau tanda-tanda berlaku perpecahan berikutan ada pertandingan jawatan tertinggi kali ini. Seolah-olah pertandingan bukan topik utama yang perlu diberikan perhatian. Ahli sedar jika proses seperti ini berulang setiap tiga tahun sekali, Umno pasti akan terus lemah. Justeru, daripada usul yang diketengahkan, perwakilan melihat apa yang lebih penting ialah iltizam dan sokongan berterusan seluruh umat Melayu kepada Umno. Parti itu tidak rela kepaduan 2.8 juta ahlinya dan seluruh orang Melayu, berpecah belah seperti yang dapat disaksikan sekarang.

Secara keseluruhannya, semua menyuarakan bahawa keyakinan orang Melayu kepada Umno mesti dikembalikan. Ini kerana Umno merupakan parti yang lahir untuk memberi jawapan dan menyelesaikan segala masalah orang Melayu. Kita optimis dan percaya berdasarkan rekod dan keupayaan, kekuatan dan perpaduan Umno dan Melayu boleh dikembalikan. Segala prasangka dan perselisihan mesti dibuang manakala kekuatan digembleng untuk mencapai matlamat menjadikan Melayu lebih perkasa demi masa depan dan maruah generasi baru.

Senada dengan perwakilan, Dr Mahathir ketika menggulung perbahasan, berterima kasih kepada mereka yang menyuarakan pandangan sedemikian. Yakin bahawa semua itu dibuat atas niat baik dan ikhlas demi masa depan parti dan nasib orang Melayu, beliau memberi jaminan Umno akan mengkaji sama ada boleh dilaksanakan dasar 'parti menguasai kerajaan'. Malah lebih penting, kita merasakan perhimpunan kali ini menyerlahkan satu suasana dan kesedaran tinggi bahawa ahli Umno tidak lagi boleh bergantung harap kepada mana-mana pihak bagi mengembalikan keyakinan orang Melayu terhadap parti itu.

Umno semakin sedar bahawa mereka kini berjuang dalam suatu keadaan

terdapat golongan masyarakat yang `meluat' terhadapnya sebagaimana disebut oleh Dr Mahathir sebagai hostile environment. Umno tidak lagi boleh mengambil mudah dalam segala kerja-kerja `memulihkan imej' yang tercalar akibat beberapa insiden yang digunakan kesempatan oleh pembangkang. Sehubungan itu, semua pendekatan mesti diubah dan disesuaikan dengan persekitaran serta dilakukan sendiri tanpa terlalu bergantung kepada jentera kerajaan.

Pada masa yang sama mereka sama ada kakitangan kerajaan, swasta mahupun petani di kampung yang satu ketika kuat menyokong Umno dan kini berpaling kepada pembangkang, tidak boleh dijadikan seteru atau musuh berterusan. Mereka perlu didekati, dipulih dan disedarkan serta diberitahu secara rasional mengapa Umno sahajalah tempat mereka bergantung.

Kini tiba masanya semua ahli Umno berkerja keras menghadapi pelbagai cabaran untuk benar-benar menguji kesetiaan, sokongannya dan sayangnya mereka kepada parti itu demi keutuhan masa depan Melayu. Ahli Umno dan orang Melayu keseluruhannya tidak harus meletakkan harapan dan tanggungjawab ini kepada pucuk pimpinan sahaja malah semua peringkat parti bagi merealisasikan cita-cita meningkatkan maruah Melayu setanding dengan bangsa lain.

(END)